

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN BELANJAWAN 2026
PADA 27 OKTOBER 2025
GRAND PARAGON HOTEL, JOHOR BAHRU
(Dikemaskini sehingga 28 Januari 2026)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE (ACA)		
1	Untuk ACA 20%-40%, adakah fi perundingan hanya layak jika software dimiliki / dibeli pembayar cukai? atau layak juga bagi software dimana lesen diperbaharui setiap tahun.	Fi perundingan layak jika software dimiliki / dibeli pembayar cukai dan termasuk software dimana lesen diperbaharui setiap tahun [Nota Amalan No.2/2020 tidak sebut berkenaan lesen].
AGIHAN KEUNTUNGAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)		
2	Individual will enjoy free from 2% tax for both profit from PLT and dividend received each RM 100,000 ?	Pendapatan dividen dan agihan keuntungan PLT melebihi nilai ambang RM100,000 yang dibayar, diagihkan dan dikreditkan kepada individu pemastautin perlu dilaporkan secara berasingan mengikut ruangan jenis pendapatan masing-masing di dalam borang nyata.
3	Individual can enjoy tax exemption on first RM100,000 PLT profit distribution and RM100,000 from company's dividend, total RM200,000?	
4	Profit distribution to non-resident , who's responsibility to pay tax? PLT need to withhold tax for non resident?	
DUTI SETEM		
5	Is the stamp duty payable on base fee or inclusive of sst?	Sekiranya SST menjadi sebahagian daripada balasan, maka duti dikenakan terhadap keseluruhan nilai kontrak termasuk SST. Jika SST tidak termasuk dalam nilai balasan, maka duti hanya dikenakan ke atas nilai kontrak sahaja.
6	If employment contract was effective in yr 2025 and salary below 3k, can employer choose not to stamp the contract under latest budget?	Surat cara yang disempurnakan pada tahun 2025 hendaklah disetamkan menurut peruntukan Akta Setem.
7	Pengecualian duti setem bagi kontrak penggajian <RM3000: Tidak perlu buat stamping atau tetap kena buat stamping tapi tidak perlu bayar setem duti?	Surat cara perlu dikemukakan untuk pengindorsan Pemungut walaupun ianya dikecualikan daripada duti setem.
8	For stamp duty on employment contract, what if the initial salary is below RM3000 then after few months later, the salary have increase up to RM4000. Do we need do another new employment contract ?	Keperluan untuk mengeluarkan satu kontrak penggajian baharu terhadap kenaikan gaji adalah di dalam pertimbangan dan bidang kuasa majikan. Sekiranya terdapat surat cara baharu, maka ianya adalah tertakluk kepada penyeteman.
9	Exemption for duty stamp employment contract, we still need to do the stamp procedure at “My stamp” to get the exempt certificate or no need to do?	Surat cara perlu dikemukakan untuk pengindorsan Pemungut walaupun ianya dikecualikan daripada duti setem. Bermula 1 Januari 2026, penyeteman surat cara boleh dilakukan melalui MyTax.

10	Bagi duti stamp, pihak mana yang bertanggungjawab untuk mengajudikasikan instrument tersebut? Sebab pihak yang membayar duti ada tersenarai dalam Third Schedule.	Pihak pembayar duti seperti di dalam Jadual Ketiga adalah pihak-pihak yang perlu mengemukakan penyata.
INSENTIF		
11	The company is not the R&D company, by have invest internal R&D team for improvement and generate new innovative product, it is able to claim incentive under Research& development.	Tidak. Insentif ini diberikan kepada syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang mengkomersialkan penemuan R&D berasaskan bukan sumber oleh institusi penyelidikan awam, institusi pengajian tinggi awam atau swasta.
12	For incentive training, if the company sent employee training oversea, it is can get this incentive.	Tidak.
13	Does Domestic Tourism incentive includes domestic flights and hotel, as per covid years? Or does it solely on tourist attraction and cultural art programme, per approved by MOTAC?	Insentif ini terhad kepada fi kemasukan ke pusat pelancongan dan program seni dan kebudayaan.
14	Noted that in the proposed incentives for cultural does not include concert. For example, how about events like Borneo Music Fest - does it considered to be part of concert or cultural event?	Sekiranya Borneo Music Festival mempunyai ciri dan elemen melibatkan muzik dan hiburan seperti konsert, maka program tersebut bukanlah program kesenian dan kebudayaan dan tidak layak mendapat insentif ini.
15	Senior citizens >60 addition tax deduction, if existing employees reach 60 , employers can enjoy this incentive?	Akan diperincikan dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan.
16	senior citizens, work 5 hours per day only with employment contract, enjoy all employees benefit - annual leave and statutory contributions, can consider as full time for additional tax deduction ?	Merujuk kepada Akta Buruh, pekerja sepenuh masa mestilah bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari atau 20 hari sebulan.
MALAYSIAN INCOME TAX REPORTING SYSTEM (MITRS)		
17	Pengemukakan MITRS: 30 hari daripada tarikh akhir penghantaran borang nyata cukai termasuk grace period yang diberikan?	Ya. Tempoh pengemukakan dokumen yang ditentukan di bawah seksyen 82B ini adalah selepas mengambil kira mana-mana tempoh tambahan masa yang dibenarkan oleh HASiL bagi pengemukakan borang nyata, jika ada.
PELANTIKAN EJEN CUKAI		
18	Adakah CP55 (Perlantikan Ejen Cukai) perlu diperbaharui setiap tahun ?	Tidak. Perlantikan melalui CP55 adalah sah sehingga perlantikan baharu ejen cukai dibuat.
PELEPASAN INDIVIDU - MESIN RINCIH SISA MAKANAN DAN CCTV		
19	Untuk CCTV yang layak, mestikah beli complete set daripada kedai? Sama ada pembelian wireless CCTV set murah dari Shopee juga layak?	Ya. Perbelanjaan yang dilakukan untuk pembelian CCTV dan berfungsi sebagai televisyen litar tertutup adalah layak.

PENSTRUKTURAN ANSURAN

20	Bagi cadangan pembayar cukai bulanan dibuat dalam tempoh asas (12 bulan), adakah tarikh akhir pindaan anggaran cukai (bagi bulan ke-6, 9 dan 11) turut akan dipinda?	Tarikh akhir pindaan anggaran cukai (bagi bulan ke-6, 9 dan 11) tidak dipinda.
----	--	--